

Ibu jual bayi cacat RM6,000

B1A 19/4/12 M3 8.

Wanita jadi 'kilang anak' kepada sindiket

Oleh Norrasyidah Arshad
bhnews@bhrian.com.my

SHAH ALAM: Seorang bayi lelaki cacat kaki kiri berumur lima bulan yang diselamatkan dalam serbuan di sebuah kediaman di Apartmen Perdana Villa, Taman Sentosa, Klang, dekat sini, kelmarin, dipercayai dijual hanya pada harga RM6,000.

Bayi itu dipercayai ditawarkan pada harga rendah oleh pihak sindiket sama yang tumpas 6 April lalu, berikutan kecacatannya berbanding harga bayi normal mencecah RM28,000.

Bayi malang yang memiliki dokumen pengenalan diri itu diselamatkan susulan tangkapan seorang wanita tempatan berumur 37 tahun di Tanjung Sepat, Banting, malam Isnin lalu, yang kemudian didapati ibu kandung bayi terbabit.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisyoner Mohamad Mat Yusop, berkata siasatan awal mendapati bayi itu sudah dijual kepada sepasang suami isteri berusia 30-an pada November tahun lalu.

Katanya, serbuan jam 5.45 petang itu dilakukan selepas mendapat maklumat dan risikan selain hasil soal siasat terhadap suspek yang ditahan sebelum ini.

"Ketika serbuan, bayi berkenaan berada dalam sebuah unit kediaman di Apartmen Perdana Villa bersama ibu dan bapa angkat yang membeli bayi itu.

"Siasatan awal mendapati



BAYI yang diselamatkan dalam serbuan di Apartmen Perdana Villa, Taman Sentosa, Klang, kelmarin,

sindiket pemerdagangan bayi mengambil kesempatan dengan kesukaran perempuan hamil tidak bersuami untuk meraih keuntungan.

"Suspek yang juga ibu kepada bayi yang diselamatkan dalam serbuan terbaru itu tidak bekerja. Bayi itu adalah hasil hubungan sulit suspek dengan teman lelakinya," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Reman terhadap suspek berakhir Ahad ini.

Katanya, polis percaya sindiket hanya menganggap

golongan bermasalah seperti mereka umpama kilang membuat bayi untuk mengaut keuntungan.

Beliau berkata, pasangan suami isteri membeli bayi lelaki yang diselamatkan polis kelmarin, sudah dilepaskan dengan jaminan selepas keterangan diambil.

Mohamad berkata, wanita kudung warga Singapura dipercayai ketua sindiket ditahan pada 6 April lalu masih ditahan reman, manakala tiga lagi lelaki dibebaskan dengan jaminan polis.